

Penilaian Kaifiat Zikir Tarekat Al-Shāzuliyyah Al-Darqāwiyyah  
Pimpinan Haji Mohd Nasir Othman Menurut Al-Quran Dan Al-Sunah  
Mohammad Fahmi Abdul Hamid, Ahmad Rosli Mohd Nor, Khairul Azhar Meerangani,  
Mohd Farhan Md Ariffin & Muhammad Taufiq Md Sharipp

## **PENILAIAN KAIFIAT ZIKIR TAREKAT AL-SHĀZULIYYAH AL-DARQĀWIYYAH PIMPINAN HAJI MOHD NASIR OTHMAN MENURUT AL-QURAN DAN AL-SUNAH**

**Mohammad Fahmi Abdul Hamid**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA,  
Cawangan Melaka

**Ahmad Rosli Mohd Nor**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA,  
Cawangan Melaka

**Khairul Azhar Meerangani**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA,  
Cawangan Melaka

**Mohd Farhan Md Ariffin**

Pusat Kajian al-Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi

**Muhammad Taufiq Md Sharipp**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA,  
Cawangan Melaka

*Corresponding Author's Email: fahmihamid@uitm.edu.my*

### **Article history:**

*Received : 23 August 2021*

*Accepted : 18 November 2021*

*Published : 28 December 2021*

### **ABSTRAK**

Tarekat tasawuf merupakan satu amalan kerohanian yang melibatkan berbagai elemen dalam proses pembentukan peribadi individu untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Dalam tarekat tasawuf terkandung pelbagai kaedah dan amalan yang boleh dilaksanakan bagi meningkatkan tahap kerohanian individu. Kaedah ini melengkapi ilmu secara teori dan praktikal yang perlu dilaksanakan bagi mereka yang telah bersedia untuk menempuh jalan tasawuf. Walau bagaimanapun, perlu ditegaskan, pilihan untuk beramal dengan tarekat tasawuf harus menepati landasan syariat. Demikian itu, perlunya penilaian terhadap tarekat tasawuf yang ingin diamalkan oleh individu dalam memastikan tarekat tersebut menepati syariat Allah SWT dan sunah Nabi SAW. Oleh itu, kajian ini mengetengahkan pengamalan zikir dalam majlis zikir tarekat al-Shāzuliyyah al-Darqāwiyyah di Negeri Sembilan dan keselariannya menurut perbahasan al-

Quran dan al-Sunah. Kajian ini menggunakan metodeologi kualitatif yang bersifat analisis deskriptif melalui analisis dokumen berkaitan sumber ambilan tarekat, kaedah pemerhatian dalam majlis zikir dan temu bual bersama syeikh tarekat sebagai data sokongan. Mekanisme penganalisisan terhadap pengamalan tersebut menggunakan hadis sebagai dalil utama, disokong dengan dalil al-Quran serta pendapat ulama. Hasil kajian mendapati pengamalan zikir dalam majlis zikir tarekat al-Shāzuliyyah al-Darqāwiyyah di Negeri Sembilan bertepatan dengan perbahasan al-Quran, hadis. Keselarian praktis zikir dalam majlis zikir tarekat dengan penetapan syarak boleh diteruskan sebagai satu bentuk pengamalan kerohanian dalam kalangan masyarakat.

**Kata Kunci:** Tarekat, al-Shāzuliyyah, al-Darqāwiyyah, Tasawwuf, Negeri Sembilan

***EVALUATION OF KAIFIAT ZIKIR TAREKAT AL-SHĀZULIYAH  
AL-DARQĀWIYYAH LEADER OF HAJI MOHD NASIR OTHMAN  
ACCORDING TO AL-QURAN AND AL-SUNAH***

**ABSTRACT**

*Tarekat tasawuf is a spiritual practice that involves various elements in the process of personal formation of the individual and to draw closer to Allah SWT. In the tarekat tasawuf, various methods and practices can be implemented to increase the spiritual level of the individual. This method complements the theoretical and practical knowledge that needs to be implemented for those who are ready to take the path of Sufism. However, it should be emphasized that the choice to practice the tarekat tasawuf must be following the shariah. Thus, there is a need for an assessment of the Sufi order that individuals want to practice in ensuring that the order complies with the laws of Allah SWT and the sunah of the Prophet SAW. Therefore, this study highlights the practice of zikir in the zikir ceremony of al-Shāzuliyyah al-Darqāwiyyah in Negeri Sembilan and its parallel according to the debate of al-Quran and al-Sunah. This study uses a qualitative methodology that is descriptive analysis through document analysis related to the source of the tarekat, observation methods in the remembrance ceremony, and interviews with the syeikh of the tarekat as supporting data. The mechanism of analysis of the practice uses hadith as the main evidence, supported by the evidence of the Quran and the opinion of scholars. The results of the study found that the practice of remembrance in the remembrance ceremony of al-Shāzuliyyah al-Darqāwiyyah in Negeri Sembilan coincides with the debate on the Quran and hadith. The parallel practice of zikir in the zikir ceremony of the tarekat with the stipulation of syarak can be continued as a form of spiritual practice among the community.*

**Keywords:** Tarekat, al-Shāzuliyyah, al-Darqāwiyyah, Tasawwuf, Negeri Sembilan

## PENDAHULUAN

Tarekat tasawuf ialah disiplin ilmu yang tertumpu kepada proses pembersihan rohani dan bertujuan untuk menghayati serta mencapai hakikat tasawuf secara lebih tersusun, sistematik dan progresif melalui pimpinan seorang syeikh. Disiplin tarekat tasawuf menghimpunkan segala macam ilmu, amalan dan adab yang diwarisi daripada salasilah para syeikh tarekat terdahulu bermula daripada pengasasnya hingga ke pengikut atau pengamalnya. Segala perkara berkaitan tarekat telah disusun dan diselaraskan dalam satu organisasi tersendiri, disebarluaskan oleh tokoh-tokoh yang berwibawa dan diamalkan berlandaskan al-Quran dan al-Sunah.

Melihat kepada perkataan tarekat, ia bermaksud jalan (Fuad Said, 1991), lorong (Louis, 1956), hal dan keadaan (Muhammad Murtadha, 1990) atau jalan menuju Allah dengan mengamalkan tauhid, feqah dan tasawuf (Ahmad al-Khatib, 1926). Perkataan tarekat juga dikhususkan kepada sekelompok individu yang menjalani kehidupan kerohanian (Lindsay Jones, 2005), yang perlu menempuh pelbagai rintangan (Muhammad Amin al-Kurdi, 1991) dan berlaku peningkatan kerohanian serta maqam (Ali Muhammad Ali al-Jurjani, 1938). Merujuk kepada definisi istilah pula, tarekat bermaksud satu jalan mencapai kebenaran tasawuf dan tata tertib hidup oleh suatu kumpulan tasawuf (Dewan Bahasa Pustaka, 2021). Tasawuf pula bermaksud satu jalan untuk membersihkan hati, menyucikan niat (Abu A'la al-Mawdudi , 1961), mendidik jiwa dengan melaksanakan segala perkara syarak, dan mengikuti sunah Nabi (Abu Hasan Ali an-Nadwi, 1996) untuk mendekatkan diri kepada Allah (Dewan Bahasa Pustaka, 2021). Jika merujuk kepada definisi tarekat dan tasawuf, ianya terlihat seakan sama pengertiannya. Namun jika diteliti secara terperinci akan didapati bahawa terdapat sedikit perbezaan antara keduanya. Menurut Jahid Sidek (2015) tarekat bersifat umum dan tasawuf bersifat khusus iaitu tarekat sebagai jalan mujahadah yang menyampaikan seseorang ke maqam ihsan iaitu hasil dari mujahadah itu sendiri. Dalam erti kata lain, tarekat ialah perjalanan kerohanian sedangkan tasawuf ialah sudut pencapaian rohaniyah setelah melalui pelbagai rintangan.

Masyarakat Islam Malaysia umumnya dan Negeri Sembilan khususnya, istilah tarekat tasawuf bukanlah suatu yang asing kerana dikenali dengan pelbagai nama berdasarkan sumber ambilannya (Muhammad Asyraf dan Faudzinain, 2019). Disiplin ilmu tarekat tasawuf merupakan salah satu cara untuk memurnikan akhlak dan pembangunan jati diri ummah (Zakaria Stapa , 2012) yang banyak direalisasikan dalam kehidupan masyarakat Islam (Wan Suhaimi, 1999). Matlamat utama Tarekat tasawuf ialah menghasilkan etika cara hidup (Paul L. Heck, 2006), asas kepada jalan penyelesaian kemelut masalah jati diri sejak zaman berzaman (Zakaria Stapa, 2012) dan juga berperanan dalam pembinaan jati diri ummah yang cemerlang dan produktif (Zulkifli Mohammad al-Bakri, 2011). Setiap pengamalan tarekat tasawuf itu pula mestilah berpandukan kepada al-Quran dan al-Sunah (Qasim Ghani , 1972).

Hal ini berbeza dengan golongan yang menolak tarekat tasawuf, mereka menyatakan bahawa disiplin ilmu tarekat tasawuf sudah tidak relevan (Zakaria

Stapa, 1996), mengandungi unsur syirik, khurafat, kebohongan dan kebodohan (Zakaria Stapa, 2016). Bukan itu sahaja, ada juga ajaran sesat yang berselindung di sebalik nama tarekat tasawuf (Siti Zubaidah, 2010). Kesannya, menimbulkan imej buruk terhadap tarekat tasawuf (Abdul Manam, 2018).

Justeru, melihat kepada kepentingan pengamalan tarekat tasawuf dan masalah yang timbul, maka kajian ini menganalisis pengamalan zikir dalam majlis zikir di pusat pengamalan tarekat al-Syazuliyyah al-Darqawiyyah di Jempol Negeri Sembilan dan melihat kepada keselarian pengamalan zikir yang diamalkan dengan perbahasan al-Quran dan al-Sunah. Kajian ini juga turut mensasarkan pandangan syeikh tarekat mengenai pengamalan zikir menurut sunah kerana syeikh merupakan agen utama dalam menyampaikan ilmu dan maklumat berkaitan tarekat tasawuf yang tepat.

### **PERKEMBANGAN TAREKAT AL-SHĀZULIYYAH AL-DARQĀWIYYAH**

Secara asasnya, tarekat Al-Shāzuliyyah (TS) merupakan tarekat yang dinisbahkan kepada pengasas tarekat ‘Ali bin ‘Abdullah al-Jabbar Abu Hasan al-Syazili (Abu Wafa’ al-Ghanimi al-Taftazani ,1979). Gelaran al-Syazili dinisbahkan daripada nama sebuah kampung di Afrika (Ibn Sabbagh, 2001). Beliau mempunyai susur galur keturunan hingga Hasan bin Ali bin Abu Talib (Ahmad, 2004). Beliau dilahirkan di Ghumara, utara Maghribi, dan terdapat perbezaan berkenaan tahun kelahirannya iaitu ada yang berpendapat beliau dilahirkan pada tahun 551H (Zainurin Zakaria, 2014), 573H (Aboebakar, 1984), 583H (Elmer, 1993) dan 593H (J. Spencer, 1971). Beliau meninggal dunia pada 656H di Sahara’ ‘Aizab dalam perjalanan menunaikan hajinya yang terakhir dan dikebumikan di sana (Abd al-Wahab al-Sya’rani, 2005).

#### **Perkembangan Tarekat Al-Shāzuliyyah Al-Darqāwiyyah di Seluruh Dunia**

Tarekat Al-Shāzuliyyah Al-Darqāwiyyah (TSD) ini telah berkembang pesat di seluruh dunia antaranya berkembang di Maghribi (R.S O’fahey, 2001), Sudan, Syria, wilayah Jawa Tengah Indonesia (Hasan Muarif, 1996), Lubnan, tanah Hijaz (F.De Jong, 1983), Mesir (Richard, 2002), Algeria (Fait Muedini, 2012), Tunisia (Richard, 1997), Tanzania (Felicitas, 2007), Eropah, Amerika Utara dan Asia Selatan (Juan E. Campo, 2009).

#### **Perkembangan Tarekat Al-Shāzuliyyah Al-Darqāwiyyah di Negeri Sembilan, Malaysia**

Di Negeri Sembilan, terdapat dua pusat pengamalan TSD yang dipimpin oleh dua orang syeikh iaitu di Rembau dan Jempol Bahau, Negeri Sembilan. TSD di Rembau berpusat di Surau Kampung Kuala Dadeh, Sawah Raja, Rembau Negeri Sembilan. Tarekat ini telah didaftarkan di bawah Enakmen Tarekat Tasawuf Negeri Sembilan 2005 dengan Perakuan Pendaftaran dikeluarkan pada 14 April 2014 (No. Pendaftaran: JMKNNS.BTT.070-2/1(29) (Bahagian Tarekat Tasawuf

Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, 2005). Syeikh bagi tarekat pada ketika ini ialah Syeikh Abdun Nasir Abu Bakr as-Siddiq yang dilahirkan di Kota Setif yang terletak di timur Algeria pada tahun 1954. Nasab keturunan beliau daripada keturunan ulamak di Algeria (Zainurin Zakaria, 2014). Syeikh Abdun Nasir hanya mempunyai seorang khalifah sahaja iaitu Syeikh Dr. al-Haj Mahmoud MrGlani. Beliau yang bertanggungjawab membawa tarekat ini ke Malaysia dan sering datang ke Malaysia untuk menyampaikan bimbingan kepada anak muridnya di Malaysia khususnya di Rembau Negeri Sembilan. Beliau dilahirkan di Madinah al-Munawwarah, Arab Saudi pada 20 Ogos 1965. Berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah Kejuruteraan Mekanikal. Dalam pengajian Islam, beliau banyak menuntut ilmu dengan pelbagai ulama daripada pelbagai bidang bagi melayakkan beliau memimpin tarekat ini (Zainurin Zakaria, 2014)

Haji Zulkifli bin Haji Zakaria adalah merupakan orang yang dipertanggungjawabkan untuk memimpin majlis zikir TS di Rembau Negeri Sembilan. Dilahirkan pada 3 Ogos 1974 di Negeri Sembilan. Beliau merupakan seorang pengamal undang-undang sivil dan syar'ie dan berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada tahun 1998 dan masih lagi aktif berkerjaya dalam bidang undang-undang serta pada masa yang sama beliau memimpin tarekat ini. Beliau telah menerima TS daripada gurunya Syeikh Mahmoud MrGlani sehingga bersambung sanad kepada Rasulullah SAW (Zainurin Zakaria, 2014).

Tarekat al-Shāzuliyyah al-Darqāwiyyah (TSD) juga mendapat sambutan di sekitar Jempol Bahau, Negeri Sembilan. Tarekat ini telah didaftarkan di bawah Enakmen Tarekat Tasawuf Negeri Sembilan 2005 dengan Perakuan Pendaftaran dikeluarkan pada 7 September 2007 (No. Pendaftaran: JMKNNS.BTT.070-2/1(22). Ustaz Haji Mohd Nasir bin Othman merupakan orang yang dipertanggungjawabkan untuk memimpin majlis zikir TSD di Bahau, Negeri Sembilan. Beliau dilahirkan pada 20 Ogos 1968 di Negeri Sembilan dan berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dari Universiti al-Azhar, Mesir dan sekarang bertugas sebagai guru agama di Maahad Ahmadi, Gemencheh. Beliau mengambil TSD daripada gurunya Syeikh Dr. Yusof Muhyiddin Riq El-Bakhur al-Hasani yang dilahirkan pada tahun 1945 di Lubnan dan pernah menetap di Kaherah, Mesir, Lubnan dan Kanada. Pada awalnya, Syeikh Dr. Yusof Muhyiddin menuntut ilmu pada peringkat Ijazah Sarjana Muda Syariah wa al-Qanun di Institut Fiqh, Lubnan. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Syariah wa al-Qanun dari Universiti Al-Azhar pada tahun 1974. Melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Syariah wa al-Qanun juga di Universiti Al-Azhar pada tahun 1989 dan mendapat Ijazah Kedoktoran (PhD) Kehormat dari Universiti Islam Lubnan pada tahun 1991. Ustaz Haji Mohd Nasir bin Othman mengambil TSD daripada gurunya Syeikh Dr. Yusuf bin Muhyi al-Din sehingga bersambung sanadnya kepada Nabi SAW (Bahagian Tarekat Tasawuf Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, 2005).

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini melibatkan metodeologi kajian kepustakaan, kajian lapangan serta temubual bersama syeikh TSD sebagai data sokongan. Kajian kepustakaan dilakukan melalui penelitian bahan rujukan dalam bentuk dokumentasi. Metodologi pengumpulan data ini digunakan dengan merujuk kepada bahan bacaan berkaitan dengan perbahasan hadis berkaitan amalan zikir, rujukan buku syarah hadis, tafsir terkenal, dan buku tasawuf Islam. Metodeologi kajian lapangan pula diaplikasikan melibatkan cerapan di lapangan untuk melihat cara pengamalan zikir melalui proses pemerhatian dan temubual bersama syeikh tarekat.

Menurut Idris Awang (2001), pemerhatian ialah proses pengamatan dan catatan oleh pengkaji terhadap fenomena yang dikaji secara sistematis. Sabitha (2005) menjelaskan proses pemerhatian merupakan cara pengumpulan data tanpa melibatkan komunikasi dan bertanya kepada responden. Proses pemerhatian boleh dikira sebagai metode utama yang sangat penting dalam penyelidikan kualitatif kerana ianya merupakan suatu proses pemerhatian secara langsung (Othman Lebar, 2009). Hal ini selari dengan Sabitha (2005) yang mana berpendapat proses pengumpulan data melalui kajian pemerhatian lebih tepat kerana kurang dipengaruhi faktor ingatan. Ini kerana data yang direkodkan merupakan tingkah laku sebagaimana yang diperhatikan semasa pemerhatian. Proses merekod dan mencatat pemerhatian pula boleh dilaksanakan dengan menggunakan perakam video, senarai semak dan alatan lain (Chua Yan Piaw, 2012).

Dalam kajian ini, dua alat digunakan iaitu senarai semak dan alat perakam video. Proses pemerhatian dilakukan sebanyak tiga kali iaitu pada 11/12/2017, 23/12/2017 dan 30/12/2017 bagi melihat konsistensi pengamalan zikir di pusat pengamalan tarekat tersebut. Sesi pemerhatian yang dilaksanakan sendiri oleh pengkaji untuk mendapatkan sumber utama bagi pengumpulan data. Semua syarat keizinan yang ditetapkan oleh pusat pengamalan tarekat tasawuf telah dipatuhi semasa proses pemerhatian dijalankan.

Metodeologi temubual juga digunakan dalam kajian ini. Temubual bersama syeikh tarekat telah dijalankan bagi mendapatkan data sokongan. Metode temubual digunakan untuk mencari maklumat bagi mengesahkan maklumat yang diperolehi semasa proses pemerhatian. Mok Soon Seng (2009) menjelaskan metode temubual merupakan proses untuk mendapatkan data dan maklumat kajian secara langsung daripada individu yang berautoriti melalui pertemuan secara bersemuka. Temubual semi struktur digunakan untuk mendapatkan data kerana pengkaji bebas menyoal dan mengetahui lebih mendalam lagi jawapan responden berdasarkan satu soalan formal yang telah diajukan (Chua Yan Piaw, 2012). Pemindahan data pengamalan zikir dalam majlis zikir yang diperolehi melalui proses pemerhatian di pusat pengamalan TSD diterjemahkan ke dalam bentuk penulisan secara deskriptif.

Dalam artikel ini, pengkaji menilai pengamalan zikir dalam majlis zikir TS di Jempol sahaja. Hal ini kerana TS di Rembau dan Jempol mempunyai susur galur yang sama yang membezakannya adalah syeikh tarekat yang memimpinnya

sahaja. Oleh kerana tarekat daripada sumber yang sama dan buku zikir yang sama sudah semestinya pengamalan zikir juga sama. Sekiranya terdapat perbezaan sekalipun tidaklah jauh berbeza.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dalam tarekat tasawuf, amalan zikir merupakan amalan utama yang perlu diperaktikkan dalam kehidupan seorang pengamal tarekat. Secara harfiahnya, perkataan *al-Dhikr* dalam bahasa Arab berasal daripada kata dasar *ذكرا* (*dhakara*) yang membawa maksud memelihara sesuatu, menyebut dengan hati, menyebut setelah terlupa dan mempelajari (Ibn Manzur, 2003). Menurut Fairuz Abadi (1998), perkataan *ذكرا* (*dhakara*) atau *ذكرا* (*dhukira*) atau *ذكرا* (*dhikra*) mempunyai beberapa perkara penting yang boleh disimpulkan secara ringkas iaitu [pertama] bermaksud mengingati yang dilakukan dengan hati atau menghadirkannya dalam fikiran, [kedua] apa yang diucapkan di lisan, [ketiga] kemuliaan dan kemasyhuran. Pada asasnya perkataan *al-Dhikr* tertumpu pada maksud menyebut, mengingat dan memuji ('Abdullah bin 'Umar, 2001).


Pengamalan zikir dalam tarekat tasawuf mesti berpandukan kepada al-Quran dan al-Sunah bagi mencapai matlamat bertarekat. Tanpa ilmu yang mantap berkemungkinan akan wujud kekeliruan ketika perjalanan kerohanian tersebut. Untuk menyelesaikan kekeliruan tersebut, ilmu pengetahuan tentang zikir berpandukan al-Quran dan al-Sunah sangat penting dipelajari oleh pengamal tarekat terutamanya ketika banyak ajaran songsang yang berselindung di sebalik nama tarekat tasawuf. Hanya dengan ilmu dan ditambah dengan bimbingan syeikh yang mursyid dapat memelihara pengamal tarekat daripada terpesong daripada jalan yang benar serta tersasar daripada matlamat bertarekat.

Analisis secara kritis telah dilakukan secara terperinci dalam kajian ini terhadap pengamalan zikir dalam majlis zikir di pusat pengamalan tarekat *al-Syazuliyyah al-Darqawiyah* di Jempol Negeri Sembilan. Pemindahan data bentuk pengamalan zikir dalam majlis zikir yang diperolehi melalui proses pemerhatian di lapangan diterjemahkan ke dalam bentuk penulisan secara deskriptif. Rumusan akhir bentuk pengamalan zikir dilakarkan dalam bentuk rajah bagi memudahkan pemahaman mengenai struktur pengamalan zikir yang diamalkan.

### **Pengamalan Zikir Dalam Majlis Zikir Tarekat *Al-Shāzuliyyah Al-Darqāwiyyah* Jempol**

Majlis zikir di pusat pengamalan TSD diadakan pada setiap hari Khamis malam Jumaat bermula selepas Maghrib sehingga jam 9.30 malam. Majlis zikir ini merupakan majlis zikir mingguan yang diadakan di pusat pengamalan TSD yang dipimpin oleh Ustaz Mohd Nasir Othman sebagai syeikh TSD Jempol. Rajah 1 menunjukkan secara ringkas kerangka struktur praktis pengamalan zikir dalam majlis zikir TSD.

**Rajah 1:** Pengamalan Zikir dalam Majlis Zikir TSD



Terdapat enam elemen pengamalan zikir dalam majlis zikir yang akan dianalisis melalui data yang diperolehi melalui pemerhatian. Aspek tersebut ialah [pertama] pengamalan zikir lisan dengan kadar suara yang tertentu, [kedua] pengamalan zikir secara individu, [ketiga] pengamalan zikir dalam keadaan berdiri, [keempat] lafaz zikir yang dilafazkan [kelima] bilangan zikir yang dilafazkan [keenam] pencahayaan ketika majlis zikir.

### Pengamalan Zikir Lisan Dengan Kadar Suara Yang Tertentu

Hasil pemerhatian mendapati pengamal TSD mengamalkan zikir lisan dengan kadar suara perlahan, sederhana dan kuat dalam majlis zikir. Ketika di awal zikir, mereka berzikir dengan suara perlahan, di pertengahan majlis mereka berzikir dengan suara sederhana, dan berzikir dengan suara kuat pada kemuncak majlis zikir. Penelitian terhadap dalil daripada al-Quran dan al-Sunah menjelaskan kadar suara ketika berzikir. Antara dalil yang menjelaskan tentang suara ketika berzikir ialah hadis daripada Abu Musa iaitu;

عَنْ أَبِي مُوسَى قَالَ كُنَّا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي سَفَرٍ فَجَعَلَ  
النَّاسُ يَجْهَرُونَ بِالْتَّكْبِيرِ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيُّهَا النَّاسُ ارْجِعُو  
عَلَى أَنْفُسِكُمْ إِنْكُمْ لَيْسَ تَدْعُونَ أَصَمَّ وَلَا غَائِبًا إِنْكُمْ تَدْعُونَ سَمِيعًا قَرِيبًا  
وَهُوَ مَعَكُمْ

Terjemahannya: Daripada Abu Musa, “Kami pernah menyertai Rasulullah SAW dalam satu perjalanan. Tiba-tiba, beberapa orang sahabat bertakbir dengan suara keras. Setelah mendengar takbir itu, Rasulullah SAW pun bersabda, “Wahai manusia, rendahkanlah suara kalian. Sesungguhnya kalian tidak berdoa kepada Zat yang tuli dan jauh. Tetapi kalian berdoa kepada Rabb yang Maha Mendengar dan Maha Dekat. Dia selalu bersama kalian”. Sahih al-Bukhari: [Kitab al-Jihad wa al-Sair, Bāb Ma Yukrah min Raf'u al-Sawtu fī al-Takbīr, no. hadis 2992]

Berzikir dengan suara yang perlahan lebih menunjukkan penghormatan dan pengagungan kepada Allah SWT, namun jika mahu menguatkan suara boleh sahaja berzikir dengan suara yang kuat (Imam Nawawi, 2003). Walaubagaimanapun, majoriti ulama salaf menyatakan lafadz ارْجِعُوا menunjukkan tentang anjuran untuk merendahkan suara ketika berzikir (Ibn Hajar al-Asqalani, 2001). Hal ini disokong dengan dalil al-Quran surah al-'A'raf ayat 205 dan 55 yang menjelaskan tentang perintah berzikir secara perlahan (Ibn Kathir, 1997) atau suara pertengahan (Wahbah Zuhaili, 2009) antara perlahan dengan kuat. Manakala dalil yang menjelaskan tentang zikir dengan suara kuat ialah;

أَنَّ ابْنَ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَخْبَرَهُ أَنَّ رَفْعَ الصَّوْتِ بِالدُّكْرِ حِينَ يُنْصَرِفُ  
النَّاسُ مِنْ الْمَكْتُوبَةِ كَانَ عَلَى عَهْدِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَالَ ابْنُ  
عَبَّاسٍ كُنْتُ أَعْلَمُ إِذَا انْصَرَفْتُ بِذَلِكَ إِذَا سَمِعْتُهُ

Maksudnya: Bahawa Ibn Abbas r.a berkata, “Sesungguhnya menyaringkan suara ketika berzikir setelah mengerjakan solat fardu pernah dilakukan pada zaman Nabi s.a.w”. Selanjutnya Ibn Abbas berkata, “Ketika mendengar zikir, aku mengetahui bahawa solat jemaah telah selesai”. Sahih al-Bukhari: [Kitāb Sifat as-Solāh, Bab al-Zikr Ba'da al-Solāh, no. hadis 841]

Dalil berzikir dengan suara perlahan dan suara kuat daripada al-Quran dan al-Sunah telah mewujudkan dua kadar suara ketika berzikir. Selain itu keperluan juga untuk memastikan kadar suara ketika berzikir itu berada dalam kadar yang

dibenarkan oleh syarak. Jika diamalkan kedua-duanya dalam satu majlis zikir akan memberi satu kesan positif kerana zikir perlahan menyebabkan seseorang itu bosan dan zikir secara kuat akan menyebabkan seseorang itu berasa cepat letih maka kedua-dua kaedah ini boleh digabungkan dalam satu waktu mengikut kesesuaian dan kedua-dua kaedah ini mempunyai fungsi masing-masing bagi melancarkan pelaksanaan zikir seseorang (Musa Muhammad Ali, 1990).

Tujuan asal berzikir supaya jiwa sentiasa mengingati Allah dan dapat mewujudkan rasa kebersamaan dengan Allah, sentiasa ingat dan sedar bahawa seseorang itu sentiasa bergantung kepadaNya dan akan membawa ketahanan pada perasaan dan jiwa manusia. Zikir juga perlu dilakukan dengan penuh penghayatan demi merasai maksud kehambaan, kehinaan, kebergantungan dan rasa rendah diri kepada Allah. Jika kesemua ini tidak ada ketika berzikir, hanya mementingkan suara perlahan atau kuat tanpa penghayatan maka dikhuatiri matlamat zikir tidak tercapai.

### Pengamalan Zikir Secara Individu

Merujuk kepada pengamalan zikir secara individu yang diamalkan oleh pengamal TSD, para pengamal berselawat sebanyak 100 kali di awal majlis secara individu. Bentuk pengamalan ini selari dengan hadis Nabi SAW iaitu,

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ :  
"سَبْعَةٌ يُظْلَمُهُمُ اللَّهُ تَعَالَى فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ . . . وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ  
خَالِيًّا فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ .

Maksudnya: ‘Daripada Abu Hurairah r.a, daripada Nabi SAW, baginda bersabda; “Ada tujuh golongan manusia yang akan mendapat perlindungan Allah SWT di saat tidak ada perlindungan kecuali perlindungan Allah SWT....(salah di antaranya adalah) seorang lelaki yang mengingat (berzikir) kepada Allah dalam keadaan sendirian, lalu air matanya bercucuran’. Sahih al-Bukhari: [Kitab al-Zakah, Bāb as-Sadaqah bil Yamin, no. hadis 1423]

Perkataan *al-Munfarid* berasal daripada kalimah فَرَدَ yang bermaksud tunggal (Uthman Khalid et.al, 2006), bersendirian dan berseorangan diri (Abd Rauf Hasan. et.al, 2005). Zikir *al-Munfarid* ialah satu kaedah zikir yang dilakukan secara bersendirian dan berseorangan dalam pelbagai keadaan seperti secara berdiri, duduk dan baring. Lafaz وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ خَالِيًّا dalam hadis menjelaskan tentang seorang lelaki berzikir (mengingati) Allah dalam keadaan sendirian dan ia tidak terikat hanya kepada lelaki sahaja tetapi juga melibatkan perempuan (Ibn Hajar al-Asqalani, 2001). Kesimpulannya kaedah zikir bersendirian ada sandaran

daripada hadis dan dalam tarekat tasawuf, ia dikenali sebagai zikir *al-Munfarid* (Abd al-Qadir Isa, 2007).

### Pengamalan Zikir Dalam Keadaan Berdiri

Berdasarkan pemerhatian, pengamal TSD menggunakan kaedah zikir berdiri. Ketika berzikir, mereka memegang tangan antara satu sama lain dan menghayunkan tangan serta membongkokkan badan seperti keadaan rukuk dalam solat dan kemudian badan ditegakkan semula sambil melafazkan lafadz zikir kalimah Allah. Bentuk pengamalan ini selari dengan anjuran sunah bersandarkan hadis Nabi SAW iaitu;

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَذْكُرُ اللَّهَ عَلَى كُلِّ أَحْيَاءٍ

Maksudnya: Daripada A'isyah, beliau berkata; “Nabi SAW sentiasa berzikir kepada Allah (setiap saat) dalam keadaan apa sekalipun”. Sahih Muslim: [Kitāb Haid, Bāb Zikrullah Taāla fi Hāl al-Janabah wa Ghairuhā, no. hadis 826]

Berdasarkan kepada zahir hadis, Nabi SAW berzikir dalam semua keadaan, ketika berjalan, menaiki kenderaan, di atas kenderaan, berbaring, duduk dan pelbagai keadaan lagi. Oleh yang demikian, jelas menunjukkan bahawa hukum gerakan ketika berzikir adalah dibolehkan berdasarkan dalil al-Quran dan al-Sunah. Menurut Syeikh 'Atiyah Saqar (2011), ketika seseorang membaca dan mendengar ayat al-Quran, terkesan dengan ayat tersebut sehingga saraf boleh menghasilkan reaksi respon terhadap ayat tersebut. Hal ini kerana sifat semulajadi manusia akan terkesan dengan pelbagai perkara yang didengarnya seperti respon apabila mendengar bait-bait puisi, syair, nyanyian, dan juga muzik. Begitu juga halnya dengan amalan berzikir, apabila seseorang melafazkan dan menghayati zikir, akan menghasilkan sedikit pergerakan yang merupakan tindak balas terhadap lafadz zikir tersebut. Boleh jadi apabila seseorang melafazkan zikir takbir, akibat terlalu menghayati lafadz takbir tersebut maka akan menghasilkan satu reaksi sebagai respon mengagungkan Allah.

Menurut Zulkifli Mohamad al-Bakri (2018), bentuk goyangan sebahagian kepala atau badan dalam keadaan sedar, waras, tidak dibuat-buat, disamping menjaga adab tatasusila dan tidak berlebihan adalah diharuskan. Berbeza dengan zikir dalam bentuk tarian, hukumnya adalah tidak dibolehkan sama sekali. Syariat Islam tidak menyebut secara jelas dan terang tentang kebolehan dan keharusan tarian ketika berzikir, baik dalam al-Quran maupun Hadis. Hal itu juga belum pernah dilakukan oleh mana-mana Rasul dan Nabi serta mereka yang mengikuti jejak langkah Rasulullah di kalangan sahabat. Atas dasar ini perlunya sikap berpada dalam berzikir, dengan menjaga adab dan tatasusilanya yang berpandukan kepada al-Quran dan al-Sunah.

Oleh itu, keadaan bergoyang-goyang atau menggerakkan badan sedikit ketika berzikir adalah harus dilakukan kerana ada sandaran dalil yang menyokong pengamalan tersebut. Perlu diketahui bahawa goyangan atau gerakan badan tersebut bukan satu syarat wajib dilaksanakan tetapi merupakan wasilah untuk memperolehi kecergasan ketika melakukan zikir. Perlaksanaannya perlu dilakukan dengan menjaga adab ketika berzikir dan dijauhkan daripada perkara maksiat. Ia juga tidak dilakukan sepanjang waktu, adakalanya mereka duduk tetap dan adakalanya mereka bergerak-gerak dan dilakukan mengikut keperluan ketika pelaksanaan zikir tersebut.

Menurut Muhammad Abd al-Hayyi al-Kattani (t.t), keharusan ini juga bersandarkan amalan para sahabat yang pernah melakukannya seperti mana hadis Nabi :

وروى أبو نعيم عن الفضيل بن عياض رحمه الله تعالى أنه قال: كان أصحاب رسول الله صلى الله عليه وسلم إذا ذكروا الله تعالىوا يمينا وشمالا كما تتمايل الشجرة بالريح العاصف إلى أمام ثم إلى وراء

Maksudnya: Diriwayatkan oleh Abu Naim, daripada al-Fudail bin Iyad r.a: Bahawa sahabat Rasulullah SAW ketika zikrullah bergoyang-goyang ke kanan dan ke kiri seperti mana pokok bergoyang ditiup angin kencang ke hadapan dan kemudian ke belakang.

Bukan itu sahaja, menurut Abd al-Qadir Isa (2007), pernyataan Ali ibn Abi Talib dibawah sangat jelas membolehkan gerakan dalam zikir dan menggugurkan pendapat kalangan yang mengatakan bahawa hal tersebut adalah bidaah iaitu;

قال أبو أراكة: صلّيْتُ مَعَ عَلِيٍّ صَلَاةَ الْفَجْرِ، فَلَمَّا انْفَتَلَ عَنْ يَمِينِهِ مَكَثَ كَأَنَّ عَلَيْهِ كَبَابَةً، حَتَّى إِذَا كَانَ الشَّمْسُ عَلَى حَائِطِ الْمَسْجِدِ قَيْدَ رَمْحٍ صَلَّى رَكْعَتَيْنِ، ثُمَّ قَلْبَ يَدِهِ فَقَالَ: وَاللَّهِ لَقَدْ رَأَيْتُ أَصْحَابَ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَمَا أَرَى الْيَوْمَ شَيْئًا يَشْبَهُهُمْ، لَقَدْ كَانُوا يَصْبِحُونَ صَفْرًا شَعْثًا غَيْرًا، بَيْنَ أَيْدِيهِمْ كَأْمَالَ رَكْبِ الْمَعْزِيِّ، قَدْ بَاتُوا اللَّهُ سَجَدًا وَقِيَامًا، يَتَلَوَّنُ كِتَابَ اللَّهِ يَتَرَوَّحُونَ بَيْنَ جَبَاهِهِمْ وَأَقْدَامِهِمْ، فَإِذَا أَصْبَحُوا فَذَكَرُوا اللَّهَ مَادِدُوا كَمَا يَمِيدُ الشَّجَرُ فِي يَوْمِ الرِّيحِ، وَهَمِلتُ أَعْيُنَهُمْ حَتَّى تَبَلَّأَ . وَاللَّهُ . ثِيَاجُمْ

Maksudnya: Abu Urakah berkata, “Aku pernah solat Subuh bersama ‘Ali ibn Abi Talib. Tatkala ia memalingkan wajahnya ke

arah kanan, ia lalu duduk sambil diam, seolah hatinya sedang tertekan. Ketika sinar matahari telah masuk ke dalam masjid, ia solat dua rakaat. Lalu ia membalikkan telapak tangannya sambil berkata: “Demi Allah, aku telah melihat para sahabat Nabi. Dan hari ini, aku tidak melihat orang seperti mereka. Mereka menyambut pagi dengan rambut kusut dan berdebu. Dan di wajah mereka seolah ada duka cita. Mereka menghabiskan malam dengan bersujud kepada Allah dan membaca al-Quran. Dan kala subuh tiba, mereka berzikir kepada Allah sambil bergerak seperti bergeraknya pohon pada saat angin berhembus. Air mata mereka bercucuran sampai membasahi baju mereka”.

Selain itu, menurut Mohd Nasir Othman (2018), gerakan tertentu ketika berzikir berdiri yang diamalkan itu adalah hasil ijтиhad syeikh tarekat dalam memahami firman Allah ayat 191 surah ali-Imran, “...mereka yang mengingat Allah dalam keadaan berdiri, duduk dan berbaring di atas rusuk mereka”.

### Lafaz Zikir Yang Dilafazkan

Bagi TSD, “Buku Selawat” merupakan buku zikir yang disusun oleh syeikh TSD yang di dalamnya mengandungi *Hizib al-Bahr, Istighfar al-Kabir, al-Mazdujah al-Hasana’* dan *selawat al-Azimiyyah* sebagai rujukan utama ketika majlis zikir (Mohd Nasir Othman, 2018). Selain itu juga, pengamal TSD melafazkan zikir *al-mufrad* atau zikir *ism al-dhat* iaitu melafazkan lafadz Allah secara tunggal secara berulang kali samada secara lisan atau dalam hati. Pengamalan sememangnya wujud dalam disiplin zikir tarekat tasawuf malah diterima dan dipraktikkan oleh para ulama tarekat tasawuf muktabar (Abd al-Qadir Isa, 2007). Lafaz ini dikategorikan sebagai zikir khas di kalangan ahli sufi (Abu Bakar Jabir, 2003) dan ia merujuk kepada nama bagi zat Allah yang mencakupi segala sifat kesempurnaan dan juga merupakan asal bagi semua nama baik Allah dan juga merupakan salah satu *Ism Allah al-‘A’zam* iaitu Nama Allah yang Teragung (Syed Hadzrullathfi, 2010).

Kaedah zikir ini mempunyai sandaran dalam surah al-Muzammil ayat 8 yang bermaksud “Dan sebutlah (dengan lidah dan hati) akan nama Tuhanmu (terus menerus siang dan malam), serta tumpukanlah (amal ibadatmu) kepadaNya dengan sebulat-bulat tumpuan”. Bagi mereka yang berzikir dengan zikir al-mufrad tidak disyaratkan harus sempurna daripada segi bahasa kerana mereka sedang berzikir kepada Allah dan bukannya sedang berbicara dengan makhluk. Selain itu, tidak ada teks syariat yang mengharamkan zikir al-mufrad kerana banyak ayat al-Quran dan hadis yang menganjurkan untuk memperbanyakkan zikir bersifat umum dan khusus (Abd al-Qadir Isa, 2007). Dalil al-Quran yang lain menyokong amalan zikir ini berdasarkan firman Allah dalam surah al-Insan ayat 25 yang mana ibrahnya menyeru agar manusia menyebut nama dan menyembah Allah pada waktu siang dan malam. Manusia juga harus sujud padaNya, dan mengucapkan kalimah yang menyucikanNya untuk waktu yang

lama pada waktu malam (Mawlana Mufti Muhammad Shafi', 2004). Manakala, hadis yang menyokong amalan berzikir lafaz zikir ini ialah;

عَنْ أَنَسٍ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : " لَا تَقُومُ السَّاعَةُ ،  
حَتَّىٰ لَا يَتَّقَالَ فِي الْأَرْضِ : اللَّهُ اللَّهُ"

Maksudnya: Daripada Anas bahawa Rasulullah SAW bersabda, “Tidak akan datang hari kiamat selagi di dunia ini masih ada orang yang mengucapkan *Allah, Allah, Allah*” Sahih Muslim: [Kitāb al-Imān, Bāb Dhīhab al-Imān Akhir al-Zamān, no. hadis 374]

Imam at-Tibi (Syeikh Ali, 2001) ketika menjelaskan hadis di atas, “*Makna tidak dikatakan Allah ialah tidak disebut nama Allah dan Allah tidak disembah*” dan ia menjadi hujah mengisbatkan sebutan zikir *al-mufrad*. Menurut Imam al-Munawi (1972), menjelaskan bahawa menjelang kiamat nama Allah tidak dizikirkan dengan zikir sebenar. Berzikir dengan kalimah Allah hakikatnya mereka sedang mengagungkan kebesaran Allah dan akan mendapat kebaikan dari-Nya. Zikir ini bertujuan untuk memenuhi hati dan fikiran dengan ingatan kepada Allah dan zikir ini lebih lebih afdal untuk musafir yang menuju kepada Allah di dalam suluknya kerana dibulatkan hati dengan nama Allah.

Mawlana Syabbir Ahmad al-Uthmani ketika menjelaskan hadis ini dalam kitabnya *Fath al-Mulhim bi Syarah Sahih al-Imam Muslim*, menyatakan hadis tersebut dijadikan sebagai sandaran bagi menyokong amalan zikir *al-mufrad* (zikir *ism al-mufrad*) dan disokong oleh Mawlana Anwar Shah al-Kasymiri (Muhammad Anwar, 2004). Kalimah Allah diulang-ulang di dalam hadis di atas memberi isyarat bahawa disyariatkan berzikir dengan mengucap nama Allah secara tunggal.

Selain itu, al-Khadimi (Ibn Abidin, 2000) menyatakan, Abu Hanifah, al-Kisa'i, al-Sha'bi, Ismail bin Ishaq dan majoriti ulama, majoriti para syeikh sufi dan para *arifin* menyatakan bahawa berzikir dengan kaedah ini merupakan maqam tertinggi dalam kaedah berzikir kerana seseorang itu berzikir menggunakan lafaz *ism al-'zam* iaitu nama Allah yang teragung. Keadaan itu digambarkan seakan mereka sedang berhubung dengan Allah, menunaikan hak ketuhanan dan memandangnya dengan hati, cahaya syuhud iaitu seorang sufi menyedari kewujudan dirinya sebagai milik Allah bukan milik dirinya sendiri (Azyurmadi Azra et.al, 2008). Jelas disini bahawa, pengamalan zikir tersebut adalah menepati syarak berpandukan nas al-Quran dan al-Sunah berhubung tuntutan menyebut dan mengingati Allah, samada nas tersebut difahami sebagai dalil umum atau dalil khusus.

### Bilangan Zikir Yang Dilafazkan

Disiplin zikir dalam tarekat mempunyai beberapa syarat yang perlu diketahui dan dipatuhi antaranya ialah bilangan zikir yang ditetapkan. Melalui pemerhatian

terdapat dua bentuk bilangan zikir yang dilafazkan dalam majlis zikir TSD. Pertama, tidak menetapkan bilangan dan kedua menetapkan bilangan ketika berzikir. Pengamal TSD, selain menggunakan kaedah tidak menetapkan bilangan tertentu ketika berzikir, TSD juga menggunakan kaedah menetapkan bilangan tertentu ketika berselawat di permulaan majlis zikir. Hal ini seperti yang telah dinyatakan pada bahagian sebelum ini bahawa pengamal TSD masing-masing berselawat 100 kali setiap seorang untuk mencapai bilangan 10000 kali berselawat bagi keseluruhan pengamal TSD yang hadir dalam majlis zikir pada hari tersebut. Nasir Othman (2018) menyatakan beliau turut menggunakan kaedah tidak menetapkan jumlah tertentu ketika melafazkan zikir Allah. Ia berpandukan kepada melafazkan zikir mengikut masa yang diperuntukkan sesuai dengan keselesaan pengamal tarekatnya.

Kesimpulannya, kedua-dua kaedah ini telah dipraktikkan dalam majlis zikir TSD. Pada asalnya, zikir TSD mempunyai bilangan zikir tertentu yang perlu dilafazkan tetapi syeikh TSD mengubahnya dengan menggunakan kaedah tidak menetapkan bilangan zikir iaitu berpandukan masa yang diperuntukkan bagi setiap lafadz yang hendak dilafazkan. Kedua-dua kaedah ini menunjukkan bahawa tarekat tasawuf tidak menumpukan pada bilangan zikir yang banyak tetapi menumpukan kepada kualiti zikir yang dilafazkan. Selain itu, mengubahsuai bilangan zikir yang perlu dilafazkan dalam majlis zikir dilakukan bertujuan untuk meraikan pengamal tarekat agar mereka tidak terbeban dengan bilangan zikir dan juga menjaga keselesaan setiap pengamal tarekat yang hadir pada majlis zikir.

### **Pencahayaan Ketika Berzikir**

Pencahayaan yang dimaksudkan ialah keadaan cahaya ketika majlis zikir dijalankan. Hasil pemerhatian menunjukkan pada awal majlis zikir TSD dilaksanakan dalam keadaan terang. Kemudian ketika berzikir dengan lafaz Allah dalam keadaan berdiri, lampu dimatikan dan mereka berzikir dalam keadaan samar yang mana satu lampu yang kecil dipasang bagi mewujudkan cahaya samar-samar. Terdapat lampu besar yang tertulis kalimah Allah diletakkan di atas dinding sebelah atas bagi menerangi sedikit majlis zikir tersebut. Pengkaji menyatakan samar-samar kerana masih kelihatan apa yang dilakukan oleh pengamal tarekat ketika itu semasa proses pemerhatian tersebut dijalankan.

Melihat kepada pengamalan, tidak ada hadis yang menjelaskan Nabi SAW berzikir dalam keadaan gelap seperti mana yang diamalkan oleh pengamal TSD. Namun ini bukan bermakna pengamalan tersebut tidak berpandukan syarak. Dalam tarekat tasawuf, pengamalan tersebut bukan satu kaedah wajib yang perlu dilakukan malah ianya merupakan cara untuk mendapatkan rasa khusyuk ketika berzikir. Di samping itu, kaedah tersebut membuat fikiran dan hati memperolehi fokus ditambah dengan suasana sunyi dan tenang. Bagi mengaitkan pengamalan berzikir dalam keadaan gelap atau samar-samar ketika berzikir, boleh disandarkan kepada hadis Nabi SAW berkaitan seorang lelaki mengingati Allah seorang diri lalu bercucuran air matanya mengingati Allah (Mohd Nasir Othman, 2018).

Menurut Mohd Nasir Othman (2018) lagi, kaedah tersebut adalah satu pilihan tetapi amat digalakkan untuk dilakukan. Pengamalan zikir dalam gelap bertujuan untuk menghalang mata daripada melihat perkara atau benda lain di sekeliling yang boleh menghilangkan tumpuan ketika berzikir. Maka, berzikir dalam keadaan gelap boleh mendatangkan fokus dan tumpuan sepenuhnya ketika berzikir.

## KESIMPULAN

Pengamalan zikir dalam majlis zikir di pusat pengamalan TSD di Jempol Negeri Sembilan adalah selari dengan perbahasan sunah. Walaupun bentuk pengamalan zikir yang diamalkan dalam tarekat tasawuf berbeza dengan praktikal zikir Nabi SAW, tetapi ianya masih dalam lingkungan yang dibenarkan oleh syarak. Selagi mana bentuk pengamalan yang dijalankan tidak bersalah dengan syarak, maka bukanlah suatu pertikaian yang besar kerana terdapat dalil difahami sebagai dalil umum atau dalil khusus.

## RUJUKAN

- ‘Abd al-Rauf Muhammad al-Munawi. (1972). *Faid al-Qadir Syar al-Jami’ al-Saghir*. Beirut: Dar al-Ma’rifah.
- ‘Abdullah bin ‘Umar bin Muhammad al-Shirazi al-Baydawi. (2001). *Tafsir al-Baydawi*. Beirut: Dar al-Kitab al-Ilmiyyah.
- ‘Abd al-Wahhab al-Sya’rani. (2005). *al-Tabaqat al-Kubra*. Qahirah: Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah.
- Abd al-Qadir ‘Isa. (2007). *Haqaiq An al-Tasawuf*. Halab: Dar al-‘Irfan.
- Abd Rauf Hasan, et.al. (2005). *Qamus*. Oxford Fajar: Selangor.
- Abdul Manam Mohammad. (2018). *Penyelewengan Aqidah, Syariat dan Akhlak dalam Tarikat* dalam Kertas Kerja Seminar Tarikat Sufiyyah: Isu dan Permasalahan di Negeri Selangor, Jabatan Agama Islam Selangor, 1.
- Aboebakar Atjeh. (1984). Pengantar Sejarah Sufi dan Tasawuf. Solo: Ramadhani Press.
- Abu ‘Abdullah Muhammad bin Isma’il al-Bukhari. (2000). *Sahih al-Bukhari* dalam Mawsu’ah al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah, ed. Salih bin ‘Abd al-‘Aziz Al al-Shaykh. Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi’.
- Abu A’la al-Mawdudi. (1961). *Mabadi’ al-Islam*. Dimasyq: Maktabah al-Syaab al-Muslim.
- Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qushairi al-Nisaburi. (2000). *Sahih Muslim* dalam Mausu’ah al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah, ed. Salih bin ‘Abd al-‘Aziz Al al-Shaykh (Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi’).
- Abu Bakar Jabir al-Jaza’iri. (1983). *Ila al-Tasawuf Ya Ibad Allah*. Iskandariyah: Dar al-Basirah.

Penilaian Kaifiat Zikir Tarekat Al-Shāzuliyah Al-Darqāwiyyah  
Pimpinan Haji Mohd Nasir Othman Menurut Al-Quran Dan Al-Sunah  
Mohammad Fahmi Abdul Hamid, Ahmad Rosli Mohd Nor, Khairul Azhar Meerangani,  
Mohd Farhan Md Ariffin & Muhammad Taufiq Md Sharipp

- Abu Fida' Isma'il Ibn Kathir al-Qursyi al-Dimasyqi. (1997). *Tafsir Ibn Kathir*, ed. Sami bin Muhammad al-Salamah, cet. ke-2 (Riyad: Dar Taiyyibah lil Nasyr wal Tauzi').
- Abu Hasan Ali an-Nadwi. (1996). *Rabbaniyah la Rahbaniyah*. Lucknow: al-Majma' al-Islami al-Ilmi.
- Abu Wafa' al-Ghanimi al-Taftazani. (1979). *Madkhal ila Tasawuf al-Islami*. Kaherah: Dar al-Thaqafah li al-Nashr al-Tawzi'.
- Ahmad al-Khatib. (1926). *al-Ayat al-Bayyinat*. Kaherah: Matba'ah al-Taqaddum al-Islamiyyat.
- Ahmad bin Muhammad bin 'Ubbad al-Mahalli al-Shafi'i. (2004). *al-Mafakhir al-Aliyah fi al-Ma'thir al-Syadhiliyyah*. Kaherah: Maktabah al-Azhariyah li al-Turath.
- Al-Sayid Muhammad 'Abd al-Hayyi al-Kattani. (t.t). *Al-Taratib al-Idariyyah*. Beirut: Dar al-Arqam.
- Ali Muhammad Ali al-Jurjani. (1938). *al-Ta'rifat*. Kaherah: Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh.
- Azyurmadi Azra, et. al. (2008). *Ensiklopedi Tasawuf*. Bandung: Penerbit Angkasa, 2008).
- Bahagian Tarekat Tasawuf, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan (Dokumen Pendaftaran Tarekat Yang Telah Diluluskan Di Bawah Subseksyen 12 (1), Enakmen Tarekat Tasawuf (Negeri Sembilan) 2005, Tarekat al-Syaziliyah), 4.
- Bahagian Tarekat Tasawuf, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan (Dokumen Pendaftaran Tarekat Yang Telah Diluluskan Di Bawah Subseksyen 12 (1), Enakmen Tarekat Tasawuf (Negeri Sembilan) 2005, Tarekat al-Syaziliyah al-Darqawiyah), 2-5.
- Chua Yan Piaw. (2012). *Asas Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Elmer H. Douglas. (1993). *The Mystical Teachings of al-Shadhili*. New York: State University Of New York Press.
- Fairuz Abadi. (1998). *al-Qamus al-Muhibh*. t.t: Muassasah al-Risalah.
- F. De Jong. (1983). The Sufi Orders in Nineteenth and Twentieth-Century Palestine: A Preliminary Survey concerning Their Identity, Organizational Characteristics and Continuity, *Studia Islamica*, No. 58, 163.
- Fait Muedini. (2012). The Promotion of Sufism in the Politics of Algeria and Maghribi, *Islamic Africa*, Vol. 3, No. 2, 208.
- Felicitas Becker. (2007). The Virus and the Scriptures: Muslims and AIDS in Tanzania, *Journal of Religion in Africa*, Vol. 37, 24
- Fuad Said. (1991). *Hakikat Thariqat Naqsyabandiyah*. Ipoh: Pustaka Muda.
- Hasan Muarif Ambari et. al. (1996). *Ensiklopedi Islam*. Jakarta: PT. Ikhtiar Baru Van Hoeve.
- Ibn 'Abidin. (2000). *Hasyiyah Radd al-Muhtar 'ala Durr al-Mukhtar: Syarh Tanwir al-'Absar*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Hajar al-Asqalani. (2001). *Fath al-Bari Fi Syarh Sahih al-Bukhari*. Kaherah: Maktabah Misr.

- Ibn Sabbagh. (2001). *Durrah al-Asrar wa Tuhfah al-Abrar*. Kaherah: Maktabah al-Azhariyah li Turath.
- Idris Awang. (2001). *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Intel Multimedia and Publication.
- Imam Nawawi. (2003). *Sahih Muslim Bi Syarah Imam Nawawi*. Kaherah: Dar al-Manar.
- J. Spencer Trimingham. (1971). *The Sufi Orders in Islam*. New York: Oxford University Press.
- Jahid Sidek. (2015). *Shaikh Dalam Ilmu Tariqah*. Selangor: Penerbit al-Falah.
- Juan E. Campo. (2009). *Encyclopedia of Islam*. New York: An Imprint of Infobase Publishing.
- Laman sesawang Dewan Bahasa dan Pustaka, Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), dicapai pada 6 Julai 2021,  
<http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=tarekat>
- Laman sesawang Dewan Bahasa dan Pustaka, Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), dicapai pada 6 Julai 2021,  
<http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=tasawuf>
- Laman sesawang Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Bayan Linnas Siri Ke-17, dicapai pada 10 Oktober 2018,  
<http://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/2619-bayan-linnas-siri-ke-17-penjelasan-berhubung-hukum-zikir-menari>
- Lindsay Jones. et.al. (2005). *Encyclopedia of Religion*. New York: Macmillan Reference.
- Louis Ma'luf. (1956). *al-Munjid fi Lughah*. Beirut: Matba'ah al-Kathulikiyyah.
- Mawlana Mufti Muhammad Shafi'. (2004). *Ma'arif al-Quran* terj Mawlana Ahmed Khalil Aziz Karachi: Maktaba Dar al-'Ulum.
- Mok Soon Sang et al. (2009). *Literatur dan Kaedah Penyelidikan*. Puchong: Selangor. Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Muhammad Amin al-Kurdi. (1991). *Tanwir al-Qulub fi Mua'malat al-Allam al-Ghuyub Halab*: Matba'at al-Sabbah.
- Muhammad Anwar Shah bin Muazzam Shah al-Kashmiri. (2004). *al-'Arfu al-Syazi Syarh Sunan al-Tirmidhi*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- Muhammad Aysraf dan Faudzinaim. (2019). Tahap Pengetahuan Masyarakat Terhadap Tarekat di Negeri Sembilan. *BITARA*. 29-36
- Muhammad Murtadha Al-Zabidi. (1990). *Tajul Arus Min Jawahir Al Qamus*. Kuwait: Matba'ah al-Hukumah.
- Musa Muhammad 'Ali. (1990). *Haqiqat al-Tawasul wa al-Wasilah 'Ala Du'i al-Kitab wa al-Sunah* (T.t.: Dar al-Turath al-'Arabiyy.
- Mohd Nasir Othman (Syeikh Tarekat al-Syazuliyyah al-Darqawiyah), dalam temu bual dengan penulis, 5 april 2018.
- Othman Lebar. (2009). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Perak: UPSI.
- Paul L. Heck. (2006). Mysticism as Morality: The Case of Sufism. *The Journal of Religious Ethics*, 253.
- Qasim Ghani. (1972). *Tarikh at-Tasawwuf fi al-Islam*. Kaherah: Maktabah an-Nahdah.

Penilaian Kaifiat Zikir Tarekat Al-Shāzuliyyah Al-Darqāwiyyah  
Pimpinan Haji Mohd Nasir Othman Menurut Al-Quran Dan Al-Sunah  
Mohammad Fahmi Abdul Hamid, Ahmad Rosli Mohd Nor, Khairul Azhar Meerangani,  
Mohd Farhan Md Ariffin & Muhammad Taufiq Md Sharipp

- R.S. O'fahey. (2001). A Colonial Servant: Al-Salāwī And The Sudan, *Sudanic Africa*, Vol. 12, 34.
- Richard J. A. McGregor. (1997). A Sufi Legacy in Tunis: Prayer and the Shadhiliyya, *International Journal of Middle East Studies*, Vol. 29, No. 2, 258
- Richard J. A. McGregor. (2002). New Sources for the Study of Sufism in Mamluk Egypt, *Bulletin of the School of Oriental and African Studies*, University of London, Vol. 65, No. 2, 303.
- Sabitha Marican. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Siti Zubaidah Ismail. (2010). Menangani Ajaran Sesat di Kalangan Umat Islam: Perspektif Undang-Undang dan Pentadbiran, *Jurnal Syariah* no. 2, 250.
- Syed Hadzrullathfi Syed Omar. (2010). Dhikr Ism al-Dhat Dalam Tasawuf dan Pengamalannya Dalam Tarekat Naqshabandiyah Khalidiyyah di Malaysia, tesis kedoktoran Universiti Malaya, 84.
- Syeikh 'Ali bin Sultan Muhammad al-Qari. (2001). *Mirqatu al-Mafatih*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah.
- Syeikh 'Atiyyah Saqar. (2011). *Mawsu'ah Ahsan al-kalim fi al-Fataawa wa al-Ahkam*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Uthman Khalid, et.al. (2006). *Kamus Besar Arab Melayu Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wahbah Zuhaili. (2009). *al-Tafsir al-Munir*. Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Wan Suhami Wan Abdullah. (1999). Konsep Maqamat dan Ahwal Sufi: Suatu Penilaian,"Jurnal Usuluddin 10, 52.
- Zainurin Zakaria. (2014). Kertas Kerja Amalan Tarekat As-Syaziliyyah di Negeri Sembilan Darul Khusus, Dokumen Tarekat al-Syaziliyyah Rembau Negeri Sembilan, 3-11
- Zakaria Stapa. (2016). Sanad Tarekat: Sejauh Mana Sandarannya Kepada Amalan Para Sahabat, Kertas kerja Seminar Sufi Menurut Pendekatan Wasatiyyah Peringkat Kebangsaan anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Mufti Negeri Melaka, Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM), Jabatan Islam Negeri Melaka (JAIM)
- Zakaria Stapa. (2012). *Pendekatan Tasawuf dan Tarekat: Wadah Pemerkasaan Jati Diri Ummah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zakaria Stapa. (1996). *Tasawuf dan Empat Tokoh Sufi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkifli Mohammad al-Bakri. (2011). Kedudukan dan Peranan Tasawuf Dalam Pembinaan Ummah" Prosiding Diskusi Tarekat Tasawuf Negeri Sembilan, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, 215.